



IBU PEJABAT
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
Menara PERKESO
281 Jalan Ampang
50538 Kuala Lumpur
No. Telefon: 03-4264 5000
No. Faks: 03-4256 7713
Laman Web: www.perkeso.gov.my
E-mel: perkeso@perkeso.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : PKS.CPP.208/157/10 (7)
Tarikh : 21 Ogos 2014

Klinik -Klinik Panel PERKESO
Pengurus Besar Kanan Bahagian Perbendaharaan
Pengarah Negeri / Pengurus Pejabat
Pertubuhan Keselamatan Sosial

Dato' / Datuk/ Datin / Dr /Tuan / Puan,

PINDAAN KADAR BAYARAN RAWATAN PERUBATAN KEPADA KLINIK PANEL PERKESO

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan suacita memaklumkan bahawa pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah meluluskan penyemakan kadar perubatan yang baru kepada semua kes bencana kerja yang dirawat oleh Doktor -Doktor Insurans PERKESO. Kadar baru ini adalah berkuatkuasa mulai 01 Julai 2014. Bersama-sama ini dikemukakan Surat Pekeling Perubatan & Pemulihan Bil 1 Tahun 2014.


2. Untuk makluman, selain kenaikan kadar bayaran, usaha-usaha penambahbaikan dari aspek perincian kecederaan dan rawatan susulan turut terkandung dalam pakej rawatan tersebut. Rawatan susulan tersebut HANYA terpakai di dalam **Kategori 'A' moderate** dan **Severe** dan ianya maksima sebanyak dua (2) kali rawatan susulan sahaja. Rawatan susulan perlu dijalankan dalam tempoh 14 hari dari tarikh rawatan pertama (Tempoh tersebut termasuk rawatan pertama).

3. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan pindaan ini, sila hubungi Pejabat Pengarah Negeri / Pengurus Pejabat PERKESO kami yang berdekatan atau berhubung terus kepada Unit Klinik, Cawangan Perubatan dan Pemulihan, Ibu pejabat PERKESO.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(Dato' Dr Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed)
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
Pertubuhan Keselamatan Sosial.

"SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA"



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

SURAT PEKELILING PERUBATAN & PEMULIHAN

Bil. 1 TAHUN 2014

PINDAAN KADAR BAYARAN RAWATAN PERUBATAN KEPADA KLINIK PANEL PERKESO

1. TUJUAN

Tujuan Pekeling ini ialah untuk memberi panduan mengenai pindaan kadar bayaran perubatan kepada klinik panel PERKESO.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Faedah perubatan merupakan faedah yang diperuntukkan di bawah Skim Bencana Pekerjaan. Faedah ini diberikan kepada OB yang ditimpak bencana kerja seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39(2), Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 melalui klinik panel yang dilantik oleh PERKESO. Rawatan perubatan yang disediakan oleh Klinik Panel PERKESO meliputi konsultasi, rawatan kecemasan, ubat-ubatan, Pemeriksaan Radiologi, ujian/siasatan dan Perakuan Perubatan / Laporan Perubatan yang berkaitan.
- 2.2 Ulangkaji pertama ke atas kadar rawatan perubatan telah bermula pada 1 Mei 1983 dan seterusnya pada 1 Mei 2000. Kadar semakan terakhir telah dibuat pada 1 September 2003 seperti berikut :

KATEGORI	HARGA	LOKASI
A (MILD)	RM40.00	Semenanjung Malaysia , Sabah , Sarawak & Labuan
A (MODERATE)	RM70.00	
A (SEVERE)	RM100.00	
B	RM20.00	
C	RM25.00	

2.3 Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) telah mengemukakan cadangan kenaikan kadar bayaran rawatan perubatan kepada Datuk Ketua Eksekutif PERKESO. Berikutan perjumpaan yang diadakan antara PERKESO dengan MMA, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk ulangkaji kadar bayaran dan cadangan telah dirujuk kepada Lembaga PERKESO pada 29 Mei 2014. Mesyuarat Lembaga PERKESO Bil.3/2014 telah bersetuju dengan cadangan kadar baru tersebut.

3. KADAR BARU BAYARAN RAWATAN PERUBATAN

3.1 Kadar baru bayaran ini adalah dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut :-

KATEGORI A

- Di bawah Kategori A, kadar bayaran dikategorikan sebagai *mild*, *moderate* dan *severe* dan ini termasuk perjanjian 'package' di mana rawatan ke atas sesuatu bencana kerja akan dirawat sehingga selesai (complete treatment).
- Bayaran untuk kategori ini termasuk :
 - a) Perundingan (*Consultation*),
 - b) Rawatan kecemasan (*First aid treatment*)
 - c) Ubat-ubatan (*Medication*) serta pembalut (*Dressing*)
 - d) Apa-apa pembedahan seperti mana yang disenaraikan di dalam Jadual 1. Pembedahan jenis 'E' dan 'F' Perintah Fi (Perubatan)1982, Akta Fee 1951
 - e) Perakuan-perakuan perubatan didalam Borang 13 (*Medical certification*)
 - f) Laporan Perubatan atau lain-lain sekiranya dikehendaki
 - g) Lain-lain ujian/siasatan biasa

3.1.1 Kadar bayaran rawatan bagi Kategori A adalah seperti berikut :-

i) 'Mild' dengan caj bayaran bayaran RM75.00

Type injury		Treatment	
Injury	Description of injury	First aid/ Primary care	Treatment (medications)
TRAUMA 1. Abrasions/Laceration/ Puncture/Bruise 2. Sprain / Strain Injuries to Muscles and/or Joints (Musculoskeletal system) 3. Other soft/connective tissues injuries	(a) superficial wound (involving epidermal layers of skin) in ≤ 2 regions of body	<ul style="list-style-type: none"> Toileting and debridement of acute superficial wound (involving epidermal layers of skin) in < 2 regions Simple adhesive / non- adhesive dressing/bandage Not requiring sutures / splints / sling 	<ul style="list-style-type: none"> Lotions / ointments / creams / Medications (≤3 types)
BURNS Fire / Chemical / Electrical.	(a) 1 st degree burns ≤5% (not involving face)		
Animal/Insect bite/stings	Minimal irritation		

ii) 'Moderate' dengan caj bayaran bayaran RM100.00

Type injury		Treatment	
Injury	Description of injury	First aid/ Primary care	Treatment (medications)
TRAUMA 1. Abrasions/Laceration/ Puncture/Bruise 2. Sprain / Strain Injuries to Muscles and/or Joints 3. Other soft/connective tissues injuries	1. Superficial wound (involving epidermal layers of skin) in >2 regions, 2. Involving dermis & deeper structures, in not ≤2 regions 3. Any injuries to thumb, index, middle finger/ face/special senses/organs	<ul style="list-style-type: none"> Toileting (cleaning, flushing, or soaking wounds, simple irrigation or a cotton swab) Suturing (≤5 suture) (skin and deep tissue sutures included) (inclusive of alternative materials ;glues, non- suture materials) Dressing / bandage/ Crepe bandage Require splint / Sling Ice packing Joint aspiration Sting / Foreign Body removal IV access 	<ul style="list-style-type: none"> Vaccination/injection/ Medication (≤3 types medications)
BURNS Fire/Chemical/Electrical	1 st degree burns 6%-≤15% (not involving face, thumb, index, middle finger)		
Animal/ Insect bite / stings	≤ five bite/stings		
Foreign body	Visually observable (except on face or near major neuro- vascular bundles or in joints or involving bones)		
Others	Any other employment injury not mentioned above		

iii) 'Severe' dengan caj bayaran bayaran RM120.00

Type injury		Treatment	
Injury	Description of injury	First aid/ Primary care	Treatment (medications)
TRAUMA 1. Abrasions/Laceration/ Puncture/Bruise 2. Sprain / Strain Injuries to Muscles and/or Joints 3. Other soft/connective tissues injuries	1. Superficial wound (involving epidermal layers of skin) in more than two regions, or with heavy contamination 2. Deep wounds (Involving dermis & deeper structures), in not more than two regions 3. Any injuries to thumb, index, middle finger, 4. Any injury to face or special senses/organs	<ul style="list-style-type: none"> Toileting (cleaning, flushing, or soaking wounds, simple irrigation or a cotton swab) Suturing (>5 suture) (<i>skin and deep tissue sutures included</i>) (inclusive of alternative materials; glues, non-suture materials) Dressing / bandage/ Crepe bandage Require splint/Sling Ice packing Joint aspiration Sting / Foreign Body removal IV access Nebuliser 	<ul style="list-style-type: none"> Vaccination/ <ul style="list-style-type: none"> • injection/ Medication (>3 types medications)
BURNS Fire / Chemical / Electrical	1. 1 st degree burns <15% (involving face, thumb, index, middle finger) 2. 2 nd degree burns ≤5, (not involving face)		
Animal / Insect bite/stings	More than five bite/stings		
Foreign body	1. Visually observable on face or near major neuro-vascular bundles or in joints or involving bone, cornea and special sense organ, 2. Not visually observed		
Others	1. Anaphylaxis 2. Any other employment injury not mentioned above		

iv) Rawatan Susulan - RM25.00 / sesi

- a) Rawatan susulan HANYA terpakai di dalam Kategori 'A' *moderate* dan *Severe* dan ianya maksima sebanyak dua (2) kali rawatan susulan sahaja. Rawatan susulan perlu dijalankan dalam tempoh 14 hari dari tarikh rawatan pertama (Tempoh tersebut termasuk rawatan pertama).
- b) Contoh kes yang dikategorikan di bawah rawatan susulan merangkumi kes-kes yang memerlukan jahitan, kes kebakaran, kes luka 'abrasion' yang besar, kes yang melibatkan masalah kepada 'special senses / organs' serta kes kecederaan luka yang kotor.
- c) Jika kes dalam rawatan Kategori A yang telah dirawat sehingga selesai (complete treatment) dan masih memerlukan rujukan ke hospital, tuntutan di dalam Kategori B (Rujukan ke Hospital) tidak boleh dipertimbangkan.

KATEGORI B - RM 25.00

Ini merupakan bayaran ke atas sesuatu kes yang tidak disempurnakan, dimana kes tersebut dirujuk kepada Hospital kerajaan untuk rawatan selanjutnya. Di antara rawatan yang perlu diberi sebelum dirujuk ke hospital termasuklah:

- a. Perundangan (Consultation)
- b. Rawatan kecemasan (Termasuk "Primary wound care attention, arresting of bleeding, splinting of injuries and bandaging")
- c. Imunisasi (jika perlu)
- d. Sesuatu "analegesic preparation" jika perlu
- e. Surat rujukan ke Hospital

KATEGORI C - RM 35.00

Ini merupakan bayaran untuk rawatan atau pembedahan yang melibatkan Rawatan Pakar, (Kecuali Pembedahan Jenis 'E' dan 'F' Perintah Fee (Perubatan 1982). Di antara jenis-jenis rawatan yang termasuk di dalam kategori ini ialah :-

- a. Radiological examination:
 - Plain X-ray 1 view RM35.00 / two view RM 40-70
- b. Rawatan Fisioterapi (Physiotherapy)
- c. Lain-lain rawatan pakar.

4. TARIKH KUATKUASA

Kadar baru bayaran rawatan perubatan ini hendaklah berkuatkuasa mulai **1 Julai 2014** dan terpakai kepada kes-kes bencana kerja pada atau selepas **1 Julai 2014**.

5. KEMUSYKILAN

Apa-apa kemosykilan berhubung dengan pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada Pengurus Besar Cawangan Perubatan dan Pemulihan, Bahagian Operasi, Ibu Pejabat, PERKESO

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK K. SELVARAJAH)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial.

Tarikh *14 Julai 2014*